



GARIS PANDUAN

LAYANAN CUKAI KE ATAS TRANSAKSI MATA WANG DIGITAL

(TARIKH PENERBITAN: 5 DISEMBER 2025)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENERBITAN

Edisi Kedua pada 5 Disember 2025

Edisi Pertama pada 26 Ogos 2022

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Garis Panduan turut memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Pengenalan	1
2. Tafsiran	2
3. Layanan Cukai	3
3.1 Layanan cukai am ke atas pemerolehan dan pelupusan mata wang digital	3
3.2 Layanan cukai berkenaan dengan transaksi khusus tertentu yang melibatkan mata wang digital	5
3.2.1 Menjalankan perniagaan mata wang digital atau menggunakan mata wang digital dalam perniagaan	5
3.2.2 Pelaburan dalam mata wang digital dan urusan niaga lain yang melibatkan mata wang digital	9
4. Kos Pemerolehan Mata Wang Digital	13
5. Mata Wang Digital Tanpa Nilai Yang Diterbitkan	14
6. Penyimpanan Rekod	15
7. Penafian	15
LAMPIRAN	16

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah mengeluarkan Garis Panduan Percukaian Transaksi Perdagangan Elektronik (e-dagang) yang diterbitkan pada 13 Mei 2019 dan Garis Panduan Layanan Cukai Ke Atas Transaksi Mata Wang Digital yang diterbitkan pada 26 Ogos 2022.
- 1.2. Garis Panduan ini dikeluarkan bagi menggantikan Garis Panduan bertarikh 26 Ogos 2022 tersebut susulan kepada pindaan undang-undang terkini yang dibuat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).
- 1.3. Dalam keadaan di mana Malaysia mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dengan Negara Pejanji, terma PPPDK yang berkaitan akan terpakai.
- 1.4. Garis Panduan ini terpakai kepada mana-mana orang yang memperoleh atau melupuskan mata wang digital serta terlibat dalam perniagaan mata wang digital seperti perdagangan, perlombongan dan pertukaran mata wang digital.
- 1.5. Bagi tujuan Garis Panduan ini, mata wang digital dan token digital merujuk kepada aset kewangan digital yang berdasarkan teknologi lejar teragih dan nilai representasi digital bersecuriti kriptografi atau hak kontrak yang boleh dipindahkan, disimpan atau didagangkan secara elektronik.
- 1.6. Penggunaan istilah mata wang digital dan token digital juga merujuk kepada mata wang digital seperti *Bitcoin*, *Ethereum (Ether)* atau mana-mana mata wang digital lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa seperti di perenggan 1.5 Garis Panduan ini. Istilah mata wang digital dan token digital digunakan secara silih berganti dalam Garis Panduan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 1.7. Bagi senarai bursa mata wang digital yang diluluskan, KPHDN akan merujuk kepada Senarai Bursa Aset Digital Berdaftar terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

2. TAFSIRAN

Istilah yang digunakan dalam Garis Panduan ini mempunyai maksud berikut:

“Aset modal” ertinya –

- (a) harta alih atau harta tidak alih yang terletak di luar Malaysia termasuk apa-apa hak atau kepentingan ke atasnya; atau
- (b) harta alih yang terletak di Malaysia iaitu saham syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak tersenarai di bursa saham (termasuk apa-apa hak atau kepentingan ke atasnya) yang dimiliki oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad (PLT), badan amanah dan koperasi.

“Mata wang digital” ertinya representasi nilai yang direkodkan di atas suatu lejar digital teragih sama ada bersekuriti kriptografi atau selainnya, yang berfungsi sebagai suatu perantara pertukaran dan boleh ditukar dengan apa-apa wang, termasuk melalui pengkreditan atau pendebitan sesuatu akaun.

“Token digital” ertinya suatu representasi digital yang direkodkan di atas suatu lejar digital teragih sama ada bersekuriti kriptografi atau selainnya tetapi tidak termasuk—

- (a) debentur, saham atau bon yang diterbitkan atau dicadangkan untuk diterbitkan oleh mana-mana kerajaan;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(b) syer dalam atau debentur, sesuatu pertubuhan perbadanan atau pertubuhan yang tidak diperbadankan; atau

(c) unit dalam suatu skim unit amanah atau pelaburan ditetapkan,

dan termasuklah apa-apa hak, opsyen atau kepentingan yang berkenaan dengannya.

3. LAYANAN CUKAI

3.1 Layan an cukai am ke atas pemerolehan dan pelupusan mata wang digital

3.1.1 Secara amnya, kebolehcukaian (*taxability*) ke atas urus niaga mata wang digital di Malaysia adalah berdasarkan seksyen 3 ACP 1967 di mana pendapatan mana-mana orang yang terakru di dalam atau diperolehi dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia adalah dikenakan cukai.

3.1.2 Urus niaga yang melibatkan mata wang digital akan dikenakan cukai pendapatan di Malaysia jika aktiviti utama atau operasi perniagaan dilakukan di Malaysia atau jika perniagaan itu berada di Malaysia. Namun begitu, semua fakta dan keadaan perlu dipertimbangkan dalam menentukan sama ada sesuatu punca pendapatan adalah terakru, terbit di Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia dan boleh dikenakan cukai di Malaysia.

3.1.3 Seseorang yang berdagang mata wang digital secara aktif boleh dilihat sebagai menjana hasil daripada aktiviti tersebut. Oleh itu, keuntungan yang diperolehi daripada perdagangan mata wang digital tersebut akan dikenakan cukai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.1.4 Keuntungan / kerugian daripada pelupusan mata wang digital atau token digital yang bersifat perdagangan akan dikenakan cukai / boleh dibenarkan sebagai potongan.
- 3.1.5 Melalui pindaan di bawah Akta Kewangan (No. 2) 2023 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024, Malaysia mengenakan Cukai Keuntungan Modal (CKM) ke atas keuntungan atau laba daripada pelupusan aset modal yang terletak dalam Malaysia atau luar Malaysia atau pelupusan saham di bawah seksyen 15C ACP 1967 bagi kategori pembayar cukai syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi di bawah perenggan 4(aa) ACP 1967. Aset modal yang tertakluk cukai adalah berbeza antara harta di Malaysia dan luar Malaysia. Bagi harta alih yang terletak di Malaysia, hanya saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia tertakluk kepada CKM. Oleh itu, mana-mana keuntungan modal daripada pelupusan mata wang digital yang bukan berbentuk pendapatan hasil di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 tidak akan tertakluk kepada CKM.
- 3.1.6 Bagi aset modal berupa harta alih dan harta tidak alih yang bertempat di luar Malaysia, keuntungan modal daripada pelupusan harta tersebut hanya dikenakan cukai ke atas pembayar cukai syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi. Oleh itu, keuntungan modal daripada pelupusan aset modal bagi kategori pembayar cukai tersebut adalah tertakluk cukai sekiranya keuntungan itu diremitkan ke Malaysia.
- 3.1.7 Pembayar cukai boleh menikmati pengecualian cukai ke atas keuntungan modal daripada pelupusan aset modal yang diremitkan ke Malaysia sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan. Rujukan boleh dibuat kepada **Garis Panduan Layanan Cukai Atas**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Keuntungan Pelupusan Aset Modal Asing Yang Diterima Dari Luar Malaysia di www.hasil.gov.my untuk penjelasan lanjut.

3.1.8 Penerangan tentang pertimbangan yang akan diambil dalam menentukan sama ada keuntungan mata wang digital merupakan keuntungan modal atau keuntungan hasil adalah seperti di Lampiran.

3.2 Layanan cukai berkenaan dengan transaksi khusus tertentu yang melibatkan mata wang digital

3.2.1 Menjalankan perniagaan mata wang digital atau menggunakan mata wang digital dalam perniagaan

i. Perdagangan mata wang digital

Perniagaan yang membeli dan menjual mata wang digital dalam perjalanan biasa perniagaan itu akan dikenakan cukai ke atas keuntungan yang diperoleh daripada perdagangan dalam mata wang digital sama seperti stok dagangan. Sebarang perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan bercukai atau kerugian yang ditanggung daripada aktiviti perdagangan mata wang digital boleh dibenarkan potongan cukai.

Contoh 1

Esbisee Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan membeli dan menjual mata wang digital. Pada 12 Januari 2021, Esbisee Sdn. Bhd. membeli 100 unit token digital Y dengan harga RM1,000,000 dan menjual 50 unit token digital Z pada harga RM1,700,000. Memandangkan Esbisee Sdn. Bhd.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

menjalankan perniagaan perdagangan mata wang digital, penjualan token digital Z sebanyak RM1,700,000 mestilah dilaporkan sebagai jualan dan kos pembelian token digital Y boleh dibenarkan potongan. Jika Esbisee Sdn. Bhd. mengalami kerugian, kerugian tersebut boleh dibenarkan potongan cukai.

ii. Perlombongan mata wang digital

Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan perlombongan atau menjalankan aktiviti perlombongan adalah tertakluk kepada cukai pendapatan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. Perbelanjaan yang berkaitan dengan perniagaan perlombongan boleh dibenarkan potongan cukai dan kerugian yang ditanggung boleh dibenarkan.

Kebolehcukaian keuntungan pelombong daripada pelupusan token pembayaran akan bergantung kepada sama ada keuntungan itu adalah bersifat modal atau bersifat hasil adalah berdasarkan kepada sifat petunjuk perdagangan (*badges of trade*). Faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan sama ada suatu keuntungan adalah modal atau hasil diterangkan seperti di Lampiran.

Seorang pelombong juga boleh diupah untuk melombong token digital bagi pihak orang lain (pelanggan). Fi yang diterima daripada aktiviti melombong tersebut boleh tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- iii. Menerima dan membayar untuk transaksi perniagaan dalam mata wang digital

Jika pembayar cukai menjalankan aktiviti perniagaan dan menggunakan mata wang digital dalam perniagaannya sebagai cara pembayaran, urus niaga yang melibatkan mata wang digital hendaklah dikira sama seperti perniagaan biasa seperti merekodkan mata wang digital yang diterima untuk pembayaran barangan atau perkhidmatan yang disediakan sebagai jualan kepada perniagaan.

Secara umumnya, perniagaan yang menerima mata wang digital sebagai pembayaran untuk barangan atau perkhidmatan hendaklah merekodkan jualan berdasarkan nilai pasaran terbuka barangan atau perkhidmatan dalam Ringgit Malaysia. Perkara yang sama adalah terpakai untuk pembayaran perbelanjaan dan pembelian aset dalam perniagaan.

Contoh 2

Event League Company Sdn. Bhd. ialah penganjur perlawanan bola sepak antarabangsa di Stadium Bukit Jalil. Setiap tiket dijual pada harga RM100. Bayaran boleh dibuat menggunakan mata wang digital. Mata wang digital yang diterima untuk harga tiket (dalam RM) diiktiraf sebagai jualan (tiket dijual pada harga RM100 setiap satu) oleh Event League Company Sdn. Bhd.

Dalam situasi di mana urus niaga dipersetujui berdasarkan bilangan mata wang digital, nilai barang yang dijual atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

dibeli, atau kontrak perkhidmatan adalah ditentukan berdasarkan nilai mata wang digital pada titik urus niaga.

Contoh 3

Ain Enterprise membeli peralatan terpakai daripada Cafe Alif Sdn. Bhd. untuk satu unit mata wang digital *Bitcoin*. Pada titik urus niaga, satu unit mata wang digital *Bitcoin* adalah bersamaan dengan RM15,000.

Nilai mata wang digital yang diterima untuk peralatan tersebut, RM15,000 diiktiraf sebagai jualan peralatan oleh Cafe Alif Sdn. Bhd.

Ain Enterprise akan mengiktiraf peralatan terpakai sebagai aset untuk perniagaan pada nilai RM15,000.

Contoh 4

Rajesh menyediakan perkhidmatan perundingan IT kepada Envisage Sdn. Bhd. dan menerima 10 *Ether* sebagai bayaran untuk perkhidmatannya. Nilai satu *Ether* pada masa pembayaran dibuat ialah RM18,970. Jumlah yang bersamaan RM189,700 untuk 10 *Ether* akan diiktiraf sebagai pendapatan Rajesh.

Potongan bagi sebarang perbelanjaan yang ditanggung menggunakan mata wang digital dalam menghasilkan pendapatan bercukai akan dibenarkan sebagai potongan cukai di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- iv. Membayar gaji dan upah kepada pekerja dalam mata wang digital

Apabila gaji dan upah dibayar menggunakan mata wang digital, bayaran tersebut boleh dibenarkan potongan kepada perniagaan sebagai perbelanjaan. Di pihak pekerja, gaji dan upah yang diterima boleh dikenakan cukai. Nilai gaji dan upah adalah berdasarkan kontrak pekerjaan dan nilai perkhidmatan pekerjaan yang dilaksanakan.

Contoh 5

Patrick Wong bekerja di Capital Blockchain Sdn. Bhd. Kontrak pekerjaan yang telah ditandatangani memerlukan gajinya dibayar dalam mata wang digital bersamaan RM10,000 sebulan.

Pendapatan penggajian Patrick Wong adalah dikenakan cukai dan Capital Blockchain Sdn. Bhd. berhak menuntut potongan cukai ke atas bayaran gaji sebanyak RM10,000 sebulan masing-masing.

Nota: Tanggungjawab majikan di bawah Peraturan-Peraturan Potongan Cukai Bulanan yang sedia ada adalah terpakai.

3.2.2 Pelaburan dalam mata wang digital dan urus niaga lain yang melibatkan mata wang digital

- i. Pelaburan

Pelaburan seseorang dalam mata wang digital dan token digital dianggap sebagai aktiviti perniagaan orang itu jika aktiviti pelaburan itu mempunyai petunjuk perdagangan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pada masa ini, CKM tidak dikenakan atas keuntungan atau laba daripada pelupusan aset modal jenis mata wang digital yang bersifat modal. Layanan ini adalah terpakai dalam keadaan pelupusan mata wang digital dan token digital itu dilakukan di Malaysia.

Sekiranya keuntungan pelaburan transaksi mata wang digital dan token digital yang bersifat modal dibawa masuk ke Malaysia dari luar Malaysia, keuntungan tersebut boleh tertakluk kepada pengenaan cukai sekiranya pendapatan tersebut tidak memenuhi syarat substantif ekonomi yang diperuntukkan dalam **Garis Panduan Layanan Cukai Atas Keuntungan Pelupusan Aset Modal Asing Yang Diterima Dari Luar Malaysia** sepertimana dinyatakan di perenggan 3.1.7 Garis Panduan ini.

Kebolehcukaian ke atas keuntungan daripada pelaburan akan bergantung pada sama ada keuntungan itu adalah modal atau hasil yang berdasarkan penentuan petunjuk perdagangan. Faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan sama ada suatu keuntungan adalah modal atau hasil diterangkan dalam Lampiran.

Keuntungan atau kerugian (dalam transaksi pelaburan mata wang digital dan token digital) ialah perbezaan antara amaun yang diterima sebagai pertukaran mata wang digital dan asas larasan dalam mata wang digital.

Asas larasan ialah jumlah yang dibelanjakan untuk memperoleh mata wang digital, termasuk yuran, komisen dan kos pemerolehan lain.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 6

Merujuk kepada Contoh 3, nilai mata wang digital *Bitcoin* meningkat daripada RM15,000 kepada RM30,000 selepas tiga tahun. Mata wang digital *Bitcoin* telah dilupuskan oleh Cafe Alif Sdn. Bhd. menggunakan platform yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di Malaysia dengan keuntungan daripada pelupusan mata wang digital *Bitcoin* berjumlah RM15,000.

Jika Cafe Alif Sdn. Bhd. memegang mata wang digital *Bitcoin* yang memenuhi kriteria keuntungan modal, pelupusan itu tidak tertakluk kepada cukai.

Contoh 7

Effendi telah membeli dua unit mata wang digital bernilai RM64,000 pada 30 Jun 2019 untuk tujuan pelaburan. Pada 31 Disember 2019, beliau telah melupuskan dua unit mata wang digital pada harga RM80,000. Ini adalah satu-satunya transaksi yang dibuat oleh Effendi. Keuntungan RM16,000 tidak dikenakan cukai kerana keuntungan tersebut bersifat modal.

Pelupusan semata-mata bagi mata wang digital yang dipegang sebagai pelaburan dianggap sebagai realisasi pelaburan. Oleh itu, pendapatan yang diterima tidak dikenakan cukai. Sebarang perbelanjaan berhubung dengan pendapatan itu tidak akan dibenarkan sebagai potongan.

- ii. Pemerolehan dan pelupusan mata wang digital semata-mata

Apabila seseorang memperolehi mata wang digital, contohnya, *Bitcoin* dan *Ether*, hanya sebagai sebahagian

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

atau pembayaran penuh bagi mana-mana barangan atau perkhidmatan semata-mata, transaksi pemerolehan dan pelupusan mata wang digital itu tidak semestinya tertakluk kepada pengenaan cukai.

Contoh 8

Fakhri ingin menghadiri persembahan di Istana Budaya. Penganjur menawarkan diskaun sebanyak 20% daripada harga tiket jika pembayaran dibuat menggunakan mata wang digital. Fakhri membeli mata wang digital *Bitcoin* bersamaan dengan harga tiket diskaun RM250 dan membayarnya kepada penganjur. Pelupusan mata wang digital *Bitcoin* tersebut kepada Fakhri tidak semestinya tertakluk kepada pengenaan cukai.

Walau bagaimanapun, sebarang pelupusan token pembayaran boleh tertakluk kepada pengenaan cukai jika KPHDN mendapati niat pembelian adalah berkaitan dengan perdagangan atau sebarang tujuan menghasilkan pendapatan lain.

- iii. Menerima mata wang digital hasil daripada agihan atau pecahan percuma

Seseorang boleh menerima mata wang digital secara percuma sebagai alat promosi atau pemasaran atau pecahan mata wang digital sedia ada seperti contoh, *airdrop* dan *hardfork*.

Token tersebut tidak dianggap sebagai pendapatan kepada penerima. Oleh itu, cukai tidak dikenakan pada masa

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

penerimaan. Walau bagaimanapun, perkara di atas boleh tertakluk kepada pengenaan cukai jika token diberikan sebagai pertukaran barangan atau perkhidmatan tertentu.

Keuntungan daripada pelupusan token tersebut pada masa hadapan akan dikenakan cukai jika keuntungan itu bersifat hasil. Sekiranya keuntungan daripada pelupusan token tersebut dilakukan di Malaysia dan bersifat modal, keuntungan tersebut tidak tertakluk kepada pengenaan cukai.

iv. Pertukaran mata wang digital

Kebolehcukaian ke atas keuntungan atau kerugian daripada penukaran satu mata wang digital kepada mata wang digital yang lain akan bergantung kepada sama ada mata wang digital itu adalah aset modal atau hasil, dan seterusnya sama ada keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penukaran itu adalah modal atau hasil.

4. KOS PEMEROLEHAN MATA WANG DIGITAL

4.1 Bagi tujuan percukaian, kos pemerolehan mata wang digital hendaklah ditentukan dalam Ringgit Malaysia. Oleh kerana mata wang digital dianggap sebagai aset tidak ketara untuk tujuan percukaian, mana-mana mata wang digital dalam milikan syarikat itu perlulah dinilai dalam Ringgit Malaysia.

4.2 Kos pemerolehan mata wang digital ditentukan berdasarkan prinsip 'Masuk Dahulu, Keluar Dahulu' (*FIFO*), melainkan pembayar cukai dapat membuktikan sebaliknya. Jika kos pemerolehan aset semasa tidak dapat ditentukan, mata wang digital akan dinilai menggunakan nilai saksama,

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

iaitu pada kadar yang berkuat kuasa pada hari transaksi dan berdasarkan pertukaran mata wang digital yang boleh diterima dan boleh disahkan.

Contoh 9

Sebuah syarikat yang membeli dan menjual mata wang digital sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaannya membeli mata wang digital A pada 2020 seperti berikut:

Tarikh Belian	Jumlah Unit yang dibeli	RM seunit	Jumlah (RM)
1 Sept 2020	500 unit	10,000	5,000,000
1 Okt 2020	300 unit	15,000	4,500,000
1 Nov 2020	700 unit	5,000	3,500,000
Jumlah	1,500 unit		13,000,000

Syarikat itu kemudiannya menukar 600 unit mata wang A kepada Ringgit Malaysia apabila mata wang A itu bernilai RM20,000 seunit pada Januari 2021. Sekiranya tiada bukti lain, kos pemerolehan ditentukan berdasarkan prinsip FIFO. Oleh itu syarikat memperoleh keuntungan sebanyak RM5,500,000 $[600 \text{ unit} \times \text{RM}20,000 - ((500 \text{ unit} \times \text{RM}10,000) + (100 \text{ unit} \times \text{RM}15,000))]$. Sekiranya syarikat dapat membuktikan bahawa unit yang dijual adalah antara unit yang dibeli pada 1 November 2020, kos pemerolehan unit tersebut ialah RM5,000 setiap satu dan syarikat disifatkan telah memperoleh keuntungan sebanyak RM9,000,000 $[600 \text{ unit} \times \text{RM}20,000 - (600 \text{ unit} \times \text{RM}5,000)]$.

5. MATA WANG DIGITAL TANPA NILAI YANG DITERBITKAN

Jika mata wang digital diterima sebagai pertukaran untuk harta atau perkhidmatan dan mata wang digital itu tidak didagangkan pada mana-mana pertukaran mata wang digital dan tidak mempunyai nilai yang diterbitkan, maka nilai saksama mata wang digital yang diterima adalah sama dengan nilai

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

saksama harta atau perkhidmatan yang ditukar dengan mata wang digital apabila transaksi berlaku.

6. PENYIMPANAN REKOD

Rekod yang perlu disimpan berkaitan mata wang digital termasuk:

- rekod untuk menentukan jenis transaksi – termasuk kertas putih (*whitepaper*)
- rekod untuk menentukan nilai mata wang digital berdasarkan pertukaran dalam talian
- tarikh transaksi
- nama pihak lain iaitu alamat mata wang digital
- resit pembelian / pemindahan mata wang digital
- rekod pertukaran
- rekod lain seperti rekod ejen, kunci dompet (*wallet keys*), perisian
- penyata bank
- resit / invois perbelanjaan perniagaan

7. PENAFIAN

7.1 Contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

7.2 Jika terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua versi Garis Panduan ini, versi Bahasa Kebangsaan hendaklah diguna pakai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5 Disember 2025

s.k.: LHDN.01/35/(S)/42/51/66

Menentukan kewujudan petunjuk perdagangan

Layanan cukai umum untuk keuntungan / kerugian urus niaga daripada pelupusan mata wang digital adalah berdasarkan sama ada keuntungan / kerugian tersebut bersifat modal atau hasil.

Petunjuk perdagangan seperti motif mencari keuntungan, sifat aset dan perubahan pada aset akan dipertimbangkan dalam menentukan sama ada keuntungan tersebut boleh dikenakan cukai.

Berikut adalah pertimbangan dalam menentukan sama ada wujud unsur perdagangan bagi urus niaga yang melibatkan mata wang digital:

PETUNJUK PERDAGANGAN	PENJELASAN
Sifat subjek	Ini merujuk kepada sifat mata wang digital yang sedang dibeli dan dijual. Mata wang digital boleh dianggap sebagai subjek perdagangan apabila mata wang digital tersebut dibeli dalam kuantiti yang banyak.
Tempoh pemilikan	Ini merujuk kepada tempoh pegangan mata wang digital. Lebih pendek tempoh pegangan, lebih besar kemungkinan mata wang digital tersebut akan dianggap sebagai dipegang untuk tujuan perdagangan.
Kekerapan transaksi	Kekerapan yang tinggi bagi urus niaga mata wang digital yang serupa adalah lebih menunjukkan sifat perdagangan berbanding transaksi terpencil.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kerja tambahan	Ini merujuk kepada kerja tambahan yang dilakukan pada mata wang digital untuk menjadikannya lebih boleh dipasarkan atau usaha tambahan dilakukan untuk mencari atau menarik pembeli. Jika ini dilakukan, kemungkinan besar pelupusan mata wang digital tersebut akan dianggap sebagai aktiviti perdagangan.
Keadaan realisasi	Terdapat situasi yang tidak menunjukkan perdagangan yang ketara (cth. syarikat terpaksa menjual mata wang digital disebabkan pemerolehan wajib, keperluan wang tunai yang mendesak secara tiba-tiba atau ancaman perampasan oleh pemiutang).
Motif	Ini merujuk kepada sama ada terdapat niat untuk berdagang pada masa pemerolehan mata wang digital. Jika seseorang melakukan aktiviti dengan cara perniagaan seperti membangunkan rancangan perniagaan, menyediakan rekod perakaunan dan mengiklankan perniagaan mata wang digital, niat pastinya adalah untuk menjalankan perniagaan mata wang digital.
Cara pembiayaan	Ini merujuk kepada cara pembelian mata wang digital itu dibiayai. Pembiayaan jangka pendek lebih menunjukkan aktiviti perdagangan daripada pembiayaan jangka panjang. Kedudukan kewangan syarikat dan keupayaan untuk memegang mata wang digital juga akan diambil kira.
Faktor lain	Faktor lain termasuk sama ada terdapat sebarang kajian kebolehlaksanaan yang dijalankan, ketersediaan dokumentasi atau bukti lain yang ada dengan syarikat

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	untuk menunjukkan hasrat syarikat itu berkenaan dengan mata wang digital.
--	---

Tiada petunjuk (*badge*) tunggal yang menjadi penunjuk penentuan kepada kewujudan petunjuk perdagangan. Penentuan kewujudan petunjuk perdagangan perlu dipertimbangkan dengan kesemua faktor yang berkaitan.